

## KHUTBAH JUMAAT

### “SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG TONGGAK KEKUATAN AGAMA DAN BANGSA”

(2 Jun 2023M/ 13 Zulkaedah 1444H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْعَلِيِّ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ  
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

#### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh mengurangkan pahala Jumaat seperti berbual-bual dan menggunakan telefon. Bersempena dengan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, khutbah pada hari ini akan membicarakan tajuk : ‘**Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tonggak Kekuatan**

## **Agama dan Bangsa '.**

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Setiap negara perlu kepada ketua bagi memimpin. Dalam Islam kedudukan seorang ketua negara itu adalah mulia dan tinggi kerana mereka diberi peranan besar bagi melaksanakan tugas menjaga Islam dan mentadbir urusan dunia umat Islam. Menurut Imam al-Mawardi *rahimahullah* di dalam kitabnya *al-Ahkam as-Sultaniah*, di antara tugas ketua negara itu adalah menjaga hal ehwal agama dan mentadbir urusan dunia.

Sebagai rakyat Malaysia kita patut bersyukur ke hadrat Allah *subhanahu wata'ala* kerana dikurniakan seorang ketua negara iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang bergilir ganti, tetapi tetap bertanggungjawab dan kasih terhadap rakyatnya. Ini jelas dapat dilihat melalui pelbagai program pembangunan yang telah dilaksanakan dan dinikmati oleh rakyat, sehingga menjadikan negara kita seiring dengan negara-negara yang lain. Demikian nikmat yang dikurniakan oleh Allah *subhanahu wata'ala* kepada kita. Firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam surah Hud ayat 61:

﴿ وَإِلَىٰ ثَمُودَ أَخَاهُمْ صَالِحًا ۚ قَالَ يَا قَوْمِ أَعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنِّي غَيْرُهُ ۗ وَصَلِّ ۗ هُوَ أَنشَأَكُم مِّنَ الْأَرْضِ وَأَسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا فَاسْتَغْفِرُوهُ ثُمَّ تَوْبُوا إِلَيْهِ ۚ إِنَّ رَبِّي قَرِيبٌ مُّجِيبٌ ۗ ﴾

**Maksudnya :** Dan kepada kaum Tsamud, Kami utuskan saudara mereka, Nabi Soleh. Ia berkata: "Wahai kaumku! Sembahlah kamu

*akan Allah! Sebenarnya tiada tuhan bagi kamu selain daripadaNya. Dia lah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya. Oleh itu, mintalah ampun kepada Allah dari perbuatan syirik, kemudian kembalilah kepadaNya dengan taat dan tauhid. Sesungguhnya, tuhanku sentiasa dekat, lagi sentiasa memperkenankan permohonan hambaNya".*

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Perkara 3, Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa Islam adalah "Agama Persekutuan", atau dimaksudkan juga sebagai "Agama Negara". Bagaimanapun agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai. Di dalam Perlembagaan dinyatakan bahawa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah Ketua Agama Islam bagi negeri yang tiada raja seperti Pulau Pinang, Sarawak, Sabah, Melaka dan Wilayah Persekutuan. Manakala di negeri-negeri lain Ketua Agama Islam ialah Sultan atau Raja di negeri berkenaan.

"Raja Berperlembagaan" bukan sahaja menjadi lambang sebuah negara yang berdaulat, bebas dan merdeka, tetapi ia juga merupakan lambang kekuatan agama dan bangsa. Justeru, berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong merupakan pemerintah tertinggi, sebagai Ketua Negara dan Baginda juga sebagai Ketua Agama Islam.

Yang di Pertuan Agong, Sultan atau Raja sebagai Ketua Agama Islam adalah sesuatu yang amat istimewa di negara kita. Umat Islam

di negara ini amat bersyukur kepada Allah *subhanahu wata'ala* dan merafa'kan setinggi-tinggi menjunjung kasih kepada Majlis Raja-Raja dan pemimpin-pemimpin kita yang bekerja kuat memberi kedudukan istimewa agama Islam dalam Perlembagaan Negara.

Kita amat bersyukur dan menjunjung kasih bahawa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja telah berjaya menjaga kesucian Islam, adat istiadat orang Islam dan menjadi simbol perpaduan rakyat di negara ini.

Islam adalah agama Allah yang diturunkan kepada manusia. Oleh itu, berdasarkan Perlembagaan Persekutuan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam mempunyai amanah dan tanggungjawab yang amat berat untuk dipikul. Maka, kita selaku rakyat yang berpayung di bawah pemerintahan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong hendaklah sentiasa memberikan taat setia yang tidak berbelahbahagi kepada baginda. Ingatlah, kita sebagai umat Islam telah diajar dan dididik supaya taat dan patuh kepada pemerintah sebagaimana firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam surah An-Nisa' ayat 59:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ مِنكُمْ ۗ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ  
الْآخِرِ ۗ ذَٰلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

**Maksudnya :** *Wahai orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang*

*yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.*

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Sejak merdeka hingga kini telah terbukti bahawa institusi Raja-Raja memainkan peranan penting dalam mempertahankan Islam dan perpaduan rakyat di negara ini. Bagi mengekalkan suasana aman damai ini, marilah kita sebagai rakyat Malaysia hidup penuh mahabbah dan bersatupadu dengan menjunjung institusi Raja Berperlembagaan. Elakkan daripada terlibat dengan sebarang tindakan yang boleh menggugat atau mencemar institusi Raja-Raja serta mempertikai kesucian Islam sebagai agama rasmi di negara ini.

Akhir sekali, bersempena dengan Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong, mimbar Jumaat pada hari ini menyeru para jemaah dan rakyat Malaysia untuk sama-sama mendoakan semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong diteguhkan keimanan, dilanjutkan usia, dikurniakan kesihatan dan kesejahteraan, supaya dapat memerintah negara dengan sempurna.

Kita doakan juga agar negara dikekalkan nikmat keamanan dan kestabilan politik, dijauhkan dari segala perbuatan jahat dan fitnah yang boleh membawa malapetaka dan kehancuran. Tanamkanlah rasa kasih sayang, dan amalkanlah kelaziman tolong-menolong antara rakyat yang berbilang kaum, kukuhkan perpaduan semoga sentiasa hidup aman damai, menikmati keadilan, kemakmuran dan keselamatan sepanjang zaman. Kita juga memohon dijauhi segala malapetaka yang boleh menjejaskan usaha mengukuhkan agama dan bangsa serta membangunkan negara.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Mengakhiri khutbah, marilah kita menghayati kesimpulan dari khutbah hari ini iaitu:

**Pertama** : Ketua Negara berperanan besar bagi melaksanakan tugas menjaga Islam dan mentadbir urusan dunia umat Islam.

**Kedua** : Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah Ketua Agama Islam bagi negeri yang tiada raja seperti Pulau Pinang, Sarawak, Sabah, Melaka dan Wilayah Persekutuan.

**Ketiga** : Kita selaku rakyat yang berpayung di bawah pemerintahan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong hendaklah sentiasa memberikan taat setia kepada kepimpinannya.

Seterusnya, marilah bersama-sama kita menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Anfal, ayat 46 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.  
وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنَازَعُوا فَتَفْشَلُوا وَتَذْهَبَ رِيحُكُمْ ۖ وَأَصْبِرُوا ۗ إِنَّ  
اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ

**Maksudnya:** Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah kamu (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); sesungguhnya Allah beserta orang yang sabar.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ  
الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،  
فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### **Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,**

Kita hendaklah sentiasa melakukan kawalan sendiri dengan sebaik-baiknya bagi mengelakkan terdedah kepada bahaya wabak penyakit. Teruskanlah memohon keampunan dan bermunajat kepada Allah *subhanahu wata'ala* agar diangkat segala wabak dan musibah daripada kita dan dikurniakan keselamatan dan kesejahteraan buat diri, keluarga, masyarakat, negeri dan negara.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ  
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.



وَارْضَى اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ  
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami

nikmat keselamatan, kesehatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diinginkan dan wabak penyakit.

رَبَّنَا أُنْتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ  
الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يُأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ  
عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.